

## KENYATAAN MEDIA

**Suruhanjaya Tenaga**  
(Energy Commission)  
No.12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2,  
62100 Putrajaya, Malaysia.  
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78

### PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA BERKENAAN SISTEM PERLINDUNGAN KILAT DI BANGUNAN-BANGUNAN

**5 Ogos 2011:** Suruhanjaya Tenaga telah mengeluarkan satu pekelliling bertujuan memaklumkan kepada semua pihak yang terlibat mengenai pemakaian Standard Malaysia **MS IEC 62305 - Protection Against Lightning** bagi rekabentuk, pemasangan dan penyenggaraan sistem perlindungan kilat di bangunan-bangunan.

Pekelliling tersebut dikeluarkan berikutan beberapa insiden panahan petir di beberapa bangunan sejak kebelakangan ini. Terdapat kekeliruan di kalangan penggiat industri mengenai penggunaan sistem perlindungan kilat yang berkesan. Lazimnya, kaedah yang digunakan bagi pemasangan sistem perlindungan kilat adalah mengikut pilihan juruperunding yang terbabit dalam pelaksanaan sesuatu projek yang kadangkala tidak mengikut standard yang sewajarnya.

Bagi menangani isu ini, selaras dengan kehendak peruntukan di bawah seksyen 47 Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447), Suruhanjaya Tenaga telah menetapkan bahawa rekabentuk, pemasangan dan senggaraan alat perlindungan kilat di bangunan-bangunan hendaklah dibuat mengikut kaedah sistem perlindungan kilat yang ditetapkan oleh Standard Malaysia **MS IEC 62305 - Protection Against Lightning** yang meliputi bahagian-bahagian seperti berikut:

**MS IEC 62305-1 :2007 - General principles**

**MS IEC 62305-2 :2007 - Risk management**

**MS IEC 62305-3 :2007 - Physical damage to structures and life hazard**

**MS IEC 62305-4 :2007 - Electrical and electronic systems within structures.**

Pekeliling yang dikeluarkan itu adalah terpakai ke atas semua pemasangan sistem perlindungan kilat di bangunan-bangunan berkuatkuasa pada **1 September 2011**.

**Tamat**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Md Yuha Ismail

Ketua, Unit Promosi dan Komunikasi

Suruhanjaya Tenaga

Telefon: 03-8870 8531 / 8533 / 012-2363394

Faksimili: 03-88888636

Emel: [yuha@st.gov.my](mailto:yuha@st.gov.my)